

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH
BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

SOALAN : 30

**YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai]
minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) apakah kadar jualan dan kependudukan perumahan PR1MA; dan
- (b) perancangan Kerajaan dalam menawarkan perumahan berkos rendah dan sederhana untuk memenuhi permintaan pasaran yang meningkat, khususnya di kawasan bandar.

69

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA merupakan inisiatif Kerajaan yang luar biasa berbanding amalan pasaran industri perumahan negara. Hal ini dapat dilihat melalui sambutan yang diterima daripada rakyat terhadap kediaman PR1MA di mana sebanyak 1.5 juta pemohon telah berdaftar melalui Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA.

Berkenaan jualan kediaman PR1MA, sehingga kini sebanyak 12,970 unit telah dijual dengan Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value – GDV*) bernilai RM3.14 bilion. Berdasarkan status jualan semasa, pada ketika ini PR1MA semakin hampir untuk mencapai sasaran jualan kediaman PR1MA bagi tahun 2017 yang ditetapkan iaitu sebanyak 16,250 unit dengan GDV sebanyak RM4.1 bilion. Jumlah ini dijangka akan tercapai

dalam tempoh terdekat khususnya apabila lebih banyak unit dibuka untuk jualan kelak.

Jumlah jualan yang menggalakkan ini adalah hasil daripada usaha PR1MA menganjurkan beberapa siri program Hari Terbuka. Alhamdulillah melalui program ini, secara purata jualan kediaman PR1MA mencecah 1,000 unit sebulan bagi pelbagai projek seluruh negara. Jumlah ini merupakan satu jumlah luar biasa jika dibandingkan dengan kadar jualan rumah pasaran oleh pemaju swasta.

Program Hari Terbuka PR1MA menjelajahi seluruh Malaysia untuk memberi kemudahan kepada rakyat membeli rumah PR1MA. Ianya berkonsepkan pusat sehenti yang menyediakan perkhidmatan secara langsung kepada rakyat bagi urusan pembelian kediaman PR1MA.

Semasa Hari Terbuka PR1MA, pembeli boleh membuat semakan syarat kelayakan, laporan kredit *Credit Tip Off Service* (CTOS), Pinjaman Tabung Pendidikan (PTPTN) serta kelayakan pinjaman perumahan daripada institusi

71

kewangan. Selain itu, pembeli yang berminat boleh membeli kediaman PR1MA dan terus menandatangani Perjanjian Jual Beli (SPA) semasa program tersebut.

Berkenaan dengan kadar kependudukan pula, setakat ini sebanyak 72% pemohon adalah kaum Melayu, 21% daripada kaum Cina, 6% daripada kaum India 6% dan 1% daripada lain-lain kaum. Majoriti pemohon PR1MA iaitu 87% berumur 40 tahun dan ke bawah. Selain itu sebahagian besar pemohon juga adalah terdiri daripada golongan yang bekerja di sektor swasta sebanyak 64% manakala 24% adalah penjawat awam dan jumlah selebihnya terdiri daripada pemohon yang bekerja sendiri dan sebagainya.

Berkenaan perancangan Kerajaan bagi kediaman kos rendah dan kos sederhana di bandar, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) turut memperkenalkan pelbagai program

perumahan. Program ini merangkumi rumah kos rendah dan sederhana. Program tersebut adalah;

i) Program Perumahan Rakyat (PPR)

BIL	KATEGORI PPR	KADAR SEWAAN/JUALAN
1	PPR Disewa	RM124.00 sebulan
2	PPR Dimiliki (Dijual)	Semenanjung Malaysia – (RM 35,000 seunit) Sabah dan Sarawak – (RM42,000 seunit)

ii) Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M)

Menyediakan kemudahan sewaan rumah kepada golongan belia berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000.00 pada kadar RM250.00 sebulan selama 2 tahun.

iii) Skim Pinjaman Perumahan (SPP)

SPP menawarkan Pinjaman Perumahan sehingga RM60,000.00 bagi membina rumah di atas tanah sendiri atau tanah ahli keluarga terdekat dengan caj perkhidmatan hanya 2% sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, program perumahan rumah kos rendah dan sederhana yang turut diperkenalkan oleh Kerajaan melalui agensi lain adalah daripada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) seperti berikut;

i) Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M)

RMR1M membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif) tetapi mempunyai tanah untuk membina rumah sendiri yang sempurna dan selesa.

ii) Rumah Mesra Rakyat Plus (RMR Plus).

RMR Plus adalah satu model perniagaan baru yang mengambil konsep asas RMR1M namun dikhususkan kepada golongan yang mempunyai tanah sendiri tetapi tidak memenuhi kriteria minimum permohonan RMR1M.

Sekian. Terima kasih.